



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087- 408600/087-408601 Faks: 087-431478

Laman Web: www.pl.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PEMAKLUMAN KERJA-KERJA STATUS PEMBAIKAN PAIP PECAH DI PULAU ENOE

LABUAN, 14 Julai 2020 – Sukacita dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembaikan paip pecah di Pulau Enoe telah berjaya disiapkan pada petang tadi. Tahniah diucapkan kepada pihak teknikal Jabatan Bekalan Air (JBA) di bawah penyeliaan YBr. Encik Mohd Zulkeflee Yusof, Pengarah JBA Labuan yang telah berjaya memastikan kerja-kerja pembaikan ini dilaksanakan sehingga siap. Fasa seterusnya adalah memastikan proses *flushing* dan pengisian tangki yang dijangka akan mengambil masa selama dua hingga tiga hari.

Pada hujung minggu yang lalu, YBr. Dr Fary Akmal Osman, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL) telah berbincang YBr. Encik Lawai Jok, Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Chemical Methanol Sdn Bhd Labuan untuk mencari bantuan kepakaran. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak PETRONAS dan ucapan terima kasih kepada pasukan teknikal serta kontraktor dalaman, PML, PMB dan Empada yang telah membantu menyiapkan kerja-kerja kimpalan. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga telah bersama dalam usaha mengepam air keluar di tapak projek.

Usaha Jawatankuasa Krisis Bekalan Air telah membuahkan hasil dalam menyelesaikan isu baikpulih paip yang bocor. Tidak dilupakan juga sokongan dan kerjasama pasukan petugas-petugas daripada agensi-agensi Kerajaan termasuk PL, BOMBA, JKR, Anggota Pertahanan Awam (APM), RELA, TLDM, TUDM, PDRM dan pejabat Ahli Parlimen yang telah bertungkus-lumus selama 24 jam beberapa hari yang lalu bagi memastikan bekalan air sampai ke komuniti-komuniti di kawasan yang terjejas dengan isu bekalan air ini. Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka semua yang berkhidmat tanpa mengira waktu.

Warga Labuan dan pengguna dijangkakan akan mendapat bekalan air secara berperingkat bermula 17 Julai 2020 (Jumaat). Bekalan air pula dijangka pulih sepenuhnya pada 19 Julai 2020 (Ahad). Petugas-petugas pengisian semula air ke tangki-tangki statik di 35 lokasi akan masih melaksanakan tugas-tugas tersebut sehingga bekalan air pulih.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:
Perbadanan Labuan
14 Julai 2020